

Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Cerita Animasi 10 – Hang Tuah Lima Sekawan

Tajuk Cerita	Hang Tuah Lima Sekawan
Jangka Masa	1-2 Waktu
Fokus Interaksi Lisan	Berbual
Aspek Bahasa	Kata Seru

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahu menonton cerita animasi 'Hang Tuan Lima Sekawan' berbual tentang cerita yang ditonton berbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guru main peranan menggunakan skrip cerita 'Hang Tuah Lima Sekawan' dalam kumpulan membina Ayat Seru menggunakan lampiran tugas yang disediakan melengkapkan alat penilaian. <p>Aktiviti Lanjutan</p> <p>Guru boleh menjalankan aktiviti menulis ulasan cerita animasi Hang Tuah Lima Sekawan.</p>	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Dalam aktiviti pembelajaran, guru menegaskan penggunaan kata seru dalam aktiviti main peranan dengan menggunakan Kad Imbasan - Kata Seru. <p>Soalan Saranan (permulaan)</p> <ol style="list-style-type: none"> Pernahkah kamu membaca atau mendengar cerita tentang pahlawan Melayu? Adakah cerita tersebut menarik? Jelaskan. Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebut? Apakah yang menarik tentang watak yang kamu baca itu? <p>Soalan Saranan tentang Cerita 'Hang Tuah Lima Sekawan'</p> <ol style="list-style-type: none"> Sebutkan nama-nama watak yang kamu lihat dalam klip video yang ditonton. Mengapakah mereka berada di sebuah pulau? Apakah yang berlaku semasa mereka berada di pulau itu? Bagaimanakah Hang Tuah dan rakan-rakannya mengatasi masalah yang mereka hadapi? <ul style="list-style-type: none"> Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas. <p>Bahan</p> <p>Lampiran Tugas Alat Penilaian (Guru dan Murid)</p>

LAMPIRAN TUGASAN

Cerita Animasi 9: Kisah Abu Nawas

Membina Ayat

Tuliskan pandangan kamu tentang watak dalam cerita Kisah Abu Nawas :

Saya suka / tidak suka Abu Nawas kerana ...

- _____
- _____

Saya suka / tidak suka Tuan Hakim kerana ...

- _____
- _____

Saya suka / tidak suka Sultan kerana ...

- _____
- _____

LAMPIRAN TUGASAN

Cerita Animasi 9: Kisah Abu Nawas

Menulis Cerita

Bina dua ayat bagi setiap gambar yang disediakan.












ALAT PENILAIAN

Cerita Animasi 9: Kisah Abu Nawas

Penilaian Kendiri - Membaca/Bercerita

Nama: _____ ()




Tarikh: _____ Kelas: _____

No	Saya dapat...	Tandakan [√]		
		Sangat Baik 	Baik 	Lemah 
1	membaca dengan lancar.			
2	menyebut perkataan dengan betul.			
3	menggunakan intonasi yang betul.			
4	menggunakan sebutan baku.			

Penilaian Guru - Membaca

Nama murid: _____ ()

Tarikh: _____ Kelas: _____

NO	Murid dapat ...	Tandakan [√]		
		Sangat Baik 	Baik 	Lemah 
1	membaca dengan lancar.			
2	menyebut perkataan dengan betul			
3	menggunakan intonasi yang betul.			
4	menggunakan sebutan baku.			



Catatan Guru:

Cerita Animasi 9: Kisah Abu Nawas
Senarai Semak - Penilaian Guru (Perbualan)

Main Peranan

Nama murid: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____



No	Perkara	Tandakan [✓]	
		Ya 	Tidak 
1	Murid berlakon dengan baik.		
2	Murid menggunakan kosa kata yang disediakan.		
3	Murid menyebut perkataan dengan betul.		
4	Murid memandang rakan semasa main peranan.		
5	Murid memberikan respons yang sesuai semasa main peranan.		
6	Murid menggunakan sebutan baku.		


Catatan Guru:

Cerita Animasi 9: Kisah Abu Nawas Senarai Semak - Penilaian Kendiri (Perbualan)

Nama murid: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

No	Perkara	Tandakan [√]	
		Ya 	Tidak 
1	Saya main peranan sebaik mungkin.		
2	Saya menggunakan kosa kata yang disediakan.		
3	Saya menyebut perkataan dengan betul.		
4	Saya memandang rakan semasa main peranan.		
5	Saya memberikan respons yang sesuai semasa main peranan.		
6	Saya menggunakan sebutan baku.		



CERITA ANIMASI 9: KISAH ABU NAWAS

Tajuk	Penemuan Pulau Temasek
Peringkat	P4A
Sinopsis	Mengisahkan seorang yang bijak menyelesaikan masalah. Sultan sering menguji kepintarannya.
Watak	Abu Nawas, Sultan, Hakim dan Pencerita
Nilai	Sikap menghargai sesuatu perkara, hormat-menghormati, budi bahasa

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	<p>Pada zaman dahulu, di Negeri Baghdad, ada seorang lelaki bernama Abu Nawas. Abu Nawas seorang lelaki yang bijaksana. Dia suka membantu orang lain. Oleh sebab itu, ramai orang yang datang berjumpa dengan Abu Nawas untuk meminta pertolongan.</p> <p>Pada suatu hari, seorang kelasi telah berjumpa dengan Abu Nawas untuk meminta pertolongan.</p>
2	Kelasi	Abu Nawas, boleh Tuan menolong saya?
3	Abu Nawas	Bagaimana saya boleh membantu awak?
4	Kelasi	<p>Semalam, Tuan Hakim datang ke rumah saya dan merampas semua harta benda saya. Tuan Hakim berkata beliau bermimpi. Dalam mimpinya itu, saya telah menyuruh beliau merampas segala harta benda saya.</p> <p>Semua harta saya telah tiada. Tolonglah saya, wahai Abu Nawas.</p>
5	Pencerita	Setelah mendengar masalah yang diceritakan oleh kelasi itu, Abu Nawas termenung seketika. Dia mencari akal bagaimana hendak membantu kelasi kapal itu.
6	Abu Nawas	Baiklah, awak balik dahulu. Nanti saya fikirkan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.
7	Pencerita	Keesokan harinya, Abu Nawas mengumpulkan kanak-kanak di kampung dan mengajak mereka pergi ke rumah Tuan Hakim. Tiba sahaja di rumah Tuan Hakim, Abu Nawas pun berkata:

8	Abu Nawas	Kanak-kanak semua, masuklah ke rumah Tuan Hakim dan ambil semua harta bendanya. Kalau Tuan Hakim tanya siapa yang suruh, katakan Abu Nawas yang suruh.
9	Pencerita	Kanak-kanak itu pun mengambil semua harta benda Tuan Hakim. Tuan Hakim berasa marah dan melaporkan perbuatan Abu Nawas kepada Sultan. Sultan pun menitahkan supaya Abu Nawas dibawa ke istana.
10	Sultan	Abu Nawas, mengapa kamu menyuruh kanak-kanak merampas semua harta benda Tuan Hakim? Tidakkah kamu tahu bahawa merampas harta orang lain itu salah? Kamu boleh dihukum penjara!
11	Abu Nawas	Ampun patik Tuanku. Hamba berbuat demikian sebab patik bermimpi dan dalam mimpi itu Tuan Hakim menyuruh hamba merampas semua hartanya.
12	Sultan	Mimpi bukanlah perkara yang benar! Kamu tidak boleh bertindak berdasarkan mimpi sahaja.
13	Abu Nawas	Mengapa tidak, Tuanku? Perkara itulah yang dilakukan oleh Tuan Hakim apabila dia merampas harta benda seorang kelasi semalam.
14	Pencerita	Mendengar penjelasan Abu Nawas, Tuan Hakim terketar-ketar ketakutan. Dia menundukkan kepalanya. Sultan pun memandang kepada Tuan Hakim yang sedang berdiri sambil menundukkan kepala.
15	Sultan	Tuan Hakim, benarkah apa yang dikatakan oleh Abu Nawas tadi?
16	Tuan Hakim	Benar, Tuanku.
17	Sultan	Tuan Hakim, kamu telah berlaku tidak adil. Beta perintahkan agar kamu memulangkan semua harta benda kelasi yang kamu rampas itu.
18	Tuan Hakim	Ampun patik, Tuanku. Perintah Tuanku patik junjung. Hamba akan pulangkan semula semua harta benda kelasi itu.
19	Sultan	Bukan itu sahaja, kamu beta hukum penjara kerana berlaku tidak adil pada rakyat biasa.
20	Pencerita	Tuan Hakim pun memulangkan segala harta benda kelasi. Kelasi tersebut menghargai jasa baik Abu Nawas.
21	Kelasi	Terima kasih Abu Nawas kerana telah membantu saya. Terimalah

		sedikit wang sebagai tanda penghargaan.
22	Abu Nawas	Sama-sama. Saya membantu awak secara ikhlas. Simpanlah wang tersebut. Gunakan untuk perbelanjaan keluarga awak.
23	Pencerita	Kelasi dan Abu Nawas pun berjabat tangan. Kelasi pun masuk ke rumah dengan hati yang gembira. Begitulah kisah Abu Nawas membantu seorang kelasi.

